

## KESENIAN HURUFIAH: TULISAN JAWI DALAM PENGHASILAN KARYA SENI ARCA AWAM DI MALAYSIA

<sup>1</sup>Mohd Nasir Ismail, <sup>2</sup>Mohd Faizal Ramli, <sup>3</sup>Zulkarnain Yusof

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, MALAYSIA

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, MALAYSIA

<sup>a</sup>nasir733@kelantan.uitm.edu.my, <sup>b</sup>faizal055@kelantan.uitm.edu.my,  
<sup>c</sup>zul713@kelantan.uitm.edu.my

**Kata kunci:** seni hurufiah, karya seni, arca, antropomorfik, metaforik, teologi Islam, imejan, pengarca, tulisan jawi, Warisan Warkah Melayu, Alam Melayu, bentuk dan makna, kesenian Islam.

**Abstrak.** Penolakan sepenuhnya terhadap seni yang berunsurkan antropomorfik atau perlukisan makhluk-makhluk bernyawa (*al-musawirun*) menjadi garis panduan terpenting dalam penghasilan karya seni oleh pengarca. Pengarca mengambil pendekatan berhati-hati dalam mematuhi batasan syariat dan cuba sedaya upaya mengelakkan sebarang unsur subahat dalam menghasilkan karya seni. Pelakuan metaforik dalam usaha penerapan konsep Tauhid untuk menggambarkan hakikat ketuhanan adalah sesuatu yang bertentangan dalam Islam. Dalam teologi Islam, Allah (S.W.T) tidak sama sekali merupai apa-apa bentuk imej ciptaanNya., sebaliknya Dia memperkenalkan diriNya melalui perkataanNya yang bebentuk Wahyu yang disampaikan melalui Jibrail (A.S) kepada Nabi Muhamad (S.A.W) dalam bentuk lisan. Oleh yang demikian pengarca menggunakan tulisan jawi sebagai bahan kajian yang mesejnya adalah berhubungkait dengan jiwa keislaman melalui konsep hurufiah. Tulisan Jawi Melayu dicipta dari tulisan arab seringkali digandingkan juga dengan seni khat Islam atau kaligrafi. Kedua-duanya diolah sehingga ke tahap tertinggi nilai estetika Islam. Sesungguhnya tulisan Jawi dapat mengeratkan perpaduan satu bahasa yang meliputi semua golongan Bangsa Melayu yang menganggap Tulisan Jawi sinonim dengan masyarakat Melayu di Nusantara. Tulisan Jawi telah wujud sejak abad ketujuh Masehi melalui penemuan batu bersurat Terengganu. Oleh kerana mesej-mesej kerohanian seperti ketuhanan, alam akhirat, persoalan moral dan etika yang tidak mampu dicapai oleh pancaindera dan akal, maka karya pengarca merupakan Warisan Warkah Melayu sebagai satu percubaan dalam proses penemuan bentuk dan makna dalam kesenian Islam di Malaysia.

### PENGENALAN

Kertaskerja ini mengentengahkan karya seni arca berkonsepkan hurufiah di Malaysia. Konsep yang dibangunkan melalui penyelidikan ini diasaskan kepada seni kaligrafi yang menjadi unsur pelengkap untuk menampilkan jiwa Islam. Al Faruqi menyebut bahawa semua bentuk seni Islam dengan jelas dipengaruhi oleh ajaran a-Quran dan tauhid, mengarah kepada keesaanNya. Penyelidikan seni khat telah dilakukan oleh pengkarya seni visual bukan saja oleh pengkhatat. Pengarca telah memperkayakan karya mereka dengan unsur hurufiah dalam manifestasi seni visual melalui atmosfera pembangunan kesenian di Malaysia.

Arca adalah terjemahan dari perkataan ‘sculpture’ yang didefinisikan sebagai sebuah karya seni yang berbentuk tiga dimensi atau timbulan.. Definasi arca juga berubah mengikut peredaran zaman yang mana ianya bukan sekadar mengukir dan membentuk dengan pelbagai teknik. Seni Arca Awam dimengertikan ssebuah hasil seni yang diletakkan di ruang terbuka yang berfungsi dalam dimensi yang menyeluruh berlatarbelakangkan ruang persekitaran.

Kewujudan arca awam mampu memberi impak atau suatu tazkirah kepada karyawan seni dan masyarakat yang mana mempunyai makna yang tersirat. Seorang pengarca mampu menjadi seorang penanda sesuatu bagi generasi mendatang. Persekitaran merupakan satu situasi yang tepat untuk menghasilkan sesebuah karya seni yang bermakna dan harus memberi tindakbalak peribadi, impak yang mendalam serta mencabar imiginasi dan memberi inspirasi untuk mencapai sesuatu yang tinggi nilainya. Pendekatan tertumpu pada rupabentuk yang dapat mendukung ciri keislaman melau penggunaan hurufiah yang mudah dikanali. Pengkarya memahami dan maendalami makna kaligrafi yang bersumber pada al-Quran sebagai insprirasi spritual.

Bagi membicarakan karya seni arca di Malaysia, penyelidik akan meghujah perihal penggunaan hurufiah terutama tulisan khat yang konsepnya lebih bersifat perlambangan syiar Islam dan umum dalam mengolahnya sebagai karya seni Islam.

Melalui tinjauan, penyelidik akan membincangkan tiga karya yang terdapat di Malaysia menjadi ikon atau mercu tanda sesebuah organisasi iaitu di Putrajaya, Shah Alam dan Kuala Lumpur. Menggunakan methode pheomenologi sebagaimana digunakan oleh sarjana Abu'l al Rayhan al-Biruni (440 Hijrah/1048 Masehi) dalam bidang kebudayaan dan kesenian. Kaedah ini juga digunapakai oleh al-Faruqi dalam penulisannya berjudul ;*The Cultural Atlas of Islam* (Ismail al-Faruqi, 1986). Kaedah ini membicarakan nilai estetika sesebuah karya kesenian Islam seperti yang akan dibincangkan.

Perkembangan seni arca awam di Malaysia telah melalui tiga fasa utama itu, Fasa Pengenalan- Era Penjajahan (1857-1957), Fasa Pembangunan- Era Merdeka (1957-1990) dan Fasa Perkembangan – Era kontemporari (1990- sehingga kini). Seni arca awam di Malayasia pada awal 80an dipeloperi oleh Zakaria Awang, Ariffin Ismail dan Mad Anuar Ismail Secara umumnya arca yang dinyatakan di atas lebih bersifat tugu yang menggunakan imej figura sebagai bentuk utamanya. Malahan perkembangan arca awam di Malaysia, ketika penjajahan British di Tanah Melayu turut didominasi oleh arca-arca yang bersifat sedemikian terutamanya di Negeri-Negeri Selat seperti arca Frank Swetnam di Selangor, arca Robert Walker di Perak, Arca Francis Light di Pulau Pinang dan arca Stamford Raffles di Singapura. Kesemua arca tugu ini menjadikan figura tertentu (orang Inggeris) sebagai tokoh hero penjajah di Tanah Melayu..

Mana Sikana (1966) dalam bukunya Falsafah dan Seni Kreatif Melayu menukilkan persoalan agama menjadi titik-tolak, penentu dan peletak dasar seni dan budaya dalam Islam. Jelasnya, Islam mempunyai falsafahnya sendiri tentang kesenian dan kebudayaan. Perkara pokok dalam hal ini ialah persoalan akidah, tanpa mengeneppikan peranan akhlak dan syariat dalam penghasilan kesenian dan kebudayaan. Walaupun keindahan dan kecantikan diterima sebagai suatu kesukaan semulajadi manusia, tetapi ‘kebenaran’ adalah dasar. Ini bermakna kesenian Islam merangkumi bersama nilai-nilai indah (al-Jamal) dengan kebenaran (*al-Haqq*).

Menurut Idris Zakaria (2012), satu lagi faham Islam yang berjaya memikat hati nurani bangsa Melayu ialah falsafah hidupnya yang menekankan hubungan intim dunia-akhirat (*World-View* Kehidupan Dunia dan Tuntutan Spiritual). Dalam perspektif Islam, tuntutan hidup duniawi dan ukhrawi tercantum satu dan sepadu. Di sini manusia Melayu mendapat paradigma baru berbanding dengan tradisi sebelumnya. Menurut beliau lagi, oleh kerana falsafah Islam serasi dengan kehidupan dan jiwa orang Melayu, nilai-nilai Islam telah diserap dalam kehidupan orang Melayu seperti dalam cara berpakaian dan meraikan tetamu. Penerimaan dan penyerapan itu juga amat jelas dalam bidang-bidang senibina, seni khat, seni ukir, dan seni teater yang mempunyai falsafah Islam.

Dalam dunia seni arca di Malaysia, hal yang sedemikian telah menjadi kejanggalan dalam masyarakat khususnya yang beragama Islam. Budaya patung (merujuk kepada arca figura manusia) bukan suatu yang lumrah bagi negara kita jika dibandingkan dengan Thailand, Vietnam, India maupun China. Lantas di Malaysia sebahagian sarjana seni tempatan menyatakan antara sebab pergerakan seni arca yang lambat satu ketika dulu adalah berkait rapat dengan faktor tersebut. Namun mulai tahun 1980-an hingga kini penghasilan arca awam yang berstailkan abstrak telah muncul dengan lancar dan kian diterima oleh masyarakat. Justeru itu adalah tidak mustahil arca awam yang berstailkan abstrak atau bentuk-bentuk bukan bernyawa mampu terus menjadi ikon bagi Kuala Lumpur seterusnya negara Malaysia. Perkembangan pesat pembangunan Kuala Lumpur juga pusat pentadbiran baharu Putrajaya telah memberi peluang untuk arca awam berkembang. Arca awam kini menjadi perkiraan di dalam setiap perancangan membina sesebuah bangunan dan landskap persekitarannya.

### ARCA AWAM 1 : LAMAN “MIM” DI UINERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM

( Gambarajah karya arca Mim)

TAJUK	“LAMAN MIM”
UKURAN	10’ (P) X 12’ (L) X 19’ (T)
TAHUN	2006
BAHAN	BATU GRANITE, STENLESS STEEL

Laman Mim yang dibina di kawasan hadapan bangunan Canselari Tuanku Syed Sirajuddin, Shah Alam mengarap tema perjuangan bangsa Melayu agar menjadi bangsa merdeka, berilmu dan bemarkuah berdasarkan falsafah Mim. Pembinaan Laman ‘Mim’ berasakan tradisi Melayu berdasarkan pada beberapa elemen kebudayaan dan sejarah masyarakat Melayu. Menurut Tan Seri Dato Seri Ibrahim Abu Shah ; Falsafah Mim adalah manifestasi pemikiran orang Melayu yang mahu meliaht bangsanya mampu menggunakan minda bagi mengembalikan maruah ke tahap yang terbilang.

Pembinaan arca ini bermula dengan pintu gerbang yang senonim dengan kota Melayu, batu-batu bersurat dan pohon kelapa. Di permukaan batu graniti terpahat kata-kata hikmat daripada tokoh-tokoh Melayu yang terkemuka yang terdiri dari pahlawan dan pejuang Melayu. Falsafah Min juga menyenaraikan 50 konotasi positif yang perlu dimiliki oleh bangsa

Melayu. Malau arca ini juga, ianya diinterpretasikan sebagai cabaran kepada orang Melayu secara berterusan untuk mengubah keadaan bangsa mereka kepada yang lebih baik dan tidak berfikir negatif. Bentuk arca yang mempunyai gaya kubisem memberi kekuatan dari segi bentuk dan aspek formal bersesuaian dengan tema kaligrafi. Tulisan jawi terdapat juga pada batu bersurat.

Huruf Mim merupakan huruf pertama Nabi Muhammad SAW menjadi simbol dan mercu tanda laman ini. Bentuk yang berteraskan pergerakan tulisan khat yang dinamik berdasarkan huruf Mim. Tulisan jawim merupakan warisan kesenian tertua bangsa Melayu. Bentuk Mim seperti bilah pamor keris yang menghunus ke bumi, bukan bererti menyerah kalah tetapi adalah strategik orang Melayu supaya menggunakan akal dan minda dalam memperjuangkan nasib bangsa. Keris merupakan simbol kepada perjuangan bangsa Melayu.

#### ARCA AWAM 2: “BERAT MATA MEMANDANG” DI BALAI SENI NEGARA



TAJUK	“BERAT MATA MEMANDANG”
UKURAN	10’ (P) X 12’ (L) X 19’ (T)
TAHUN	2000
BAHAN	BESI

Sebuah arca awam bertajuk *Berat Mata Memandang...* (2000) telah dibina melalui penyelidikan yang berdasarkan kepada pintu gerbang dan rumah tradisional Melayu. Arca ini diperbuat daripada kayu cengal batu. Arca ini mengambil pendekatan melalui ukiran kayu Melayu dan sistem penyambungan dalam seni bina Melayu. Yang dihasilkan dengan pemahaman teori barat. Konsep binaan rumah Melayu jelas kelihatan dengan teknik trangam dan pasak malahan penggunaan kayu cengal yang bersaiz besar mampu memberi impak dalam konteks seni arca awam. Karya ini diletakan sebagai gerbang dipinti masuk ruang utama Balai Seni Negara.

Dari sudut komposisi dapat dilihat sifat manusia melalui gaya kubisem dan satah pada permukaan bahagian tiang seperti figura manusia. Kelihatan bahu yang memikul beban bersama dengan keadaan fizikal yang berbeza ketinggian yang dilihat pada bahagian alangnya. Manakala bentuk wakaf juga dapat dilihat pada arca ini yang berkonsepkan sifat maufakat dalam masyarakat Melayu.

#### ARCA AWAM 3: “BAHASA JIWA BANGSA” DI PERBADANAN PUTRAJAYA



TAJUK	“BAHASA JIWA BANGSA”
UKURAN	10’ (P) X 12’ (L) X 19’ (T)
TAHUN	2015-2016
BAHAN	BESI

Rekabentuk arca diilham dan berkonsepkan jati diri bangsa Melayu. Konsep ini diterjemahkan dalam bentuk tulisan jawi yang telah diabstrakkan dan bersilang diantara satu sama lain. Bentuk yang mempunyai pergerakan yang dinamik berdasarkan cara menulis kaligrafi Islam (khat). Makna di tengah arca bertindak selaku ‘focal-point’ adalah merujuk kepada sarung keris melambangkan jati diri bangsa Melayu melalui warisan budaya. Keseluruhan bentuk hurufiah (tulisan jawi) yang digunakan pada arca melambangkan Bahasa Jiwa Bangsa yang membawa maksud setiap bangsa yang bertamadun mempunyai tulisan dan bahasanya yang tersendiri. Oleh itu, bangsa Melayu telah mempunyai tamadunya yang tersendiri melalui penggunaan bahasa Melayu dan tulisan jawi seperti yang terdapat di Batu Bersurat Terengganu.

#### RUMUSAN

Perkembangan terkini memperlihatkan arca awam telah diambil kira ketika perancangan serta kewujudan sesebuah binaan maupun bangunan yang bersifat moden dan kontemporari. Jelasnya Kuala Lumpur serta Putrajaya memperlihatkan perkembangan fizikalnya melalui bangunan-bangunan moden yang dibina, manakala pengisian rohani mampu dipenuhi dengan kewujudan seni arca awamnya. Perlunya arca awam ini dalam mengimbangi kemajuan fizikal telah berlaku di merata bandaraya dunia, maka begitu jugalah hendaknya di bandar raya-bandar raya di seluruh Malaysia.

Kesedaran tentang peranan arca awam ini akan menambah nilai sesuatu lokasi maupun pihak yang bertanggungjawab akan menjadikannya sebagai mercu tanda sesutun lokasi. Yayasan Bukhary telah dipertanggungjawabkan untuk mengindahkan perkarangan Masjid Negara. Terdapat tiga arca awam telah dibina di kawasan tersebut di mana dua arca tersebut yang menggunakan imej tulisan khat dan sebuah arca yang mempunyai pancutan air bertingkat dibina ditengah laman. Kewujudan arca awam ini di Masjid Negara menjadi pemangkin dalam pemangkin dan menyokong dalam perkembangan arca yang menggunakan hurufiah dalam berkarya. Arca yang menggunakan konsep tulisan khat juga dapat di lihat di persekitaran kota Jeddah dan Madinah di Arab Saudi.

#### Rujukan

Ahmad Kamal Abdullah ( 1990 ) *Kesenian Islam*. Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur.

Baharudin Mohd Arus ( 1996 ), *Seni Arca Dalam Budaya Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara: Kuala Lumpur.

Dalu Jones, 1978) *Surface, Pattern and Light : Architecture of the Islamic World-its History & Social Meaning*, Thames and Hudson, London.

Hasnira Hassan, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Zuliskandar Ramli, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Norlelawaty Haron, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Ahmad Helmi Mohd Mukhtar & Noor Shahira Abu Bakar (2014). *Naskhah al-Qur'an Kilau 'Gaya Terengganu' sebagai Kesenian Teokratik*. Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah & Budaya di Alam Melayu, Bangi, Malaysia, 26-27 November, 2013.

Idris Zakaria (2012). *Islam dan falsafahnya dalam kebudayaan Melayu*. Jurnal Hadhari Special Edition, 91-108.

Mana Sikana (1966). *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad Abdul Jabber Beg (1981), *Fine Arts In Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: Published by the editor.

Shafie Abu Bakar, ( 1984) *Keindahan dalam Kesenian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Muliyadi Mahamood ( 1993 ) *Kemekaran Jiwa Islam Dalam Seni Lukis Malaysia sezaman*. Balai Seni Lukis Negara: Kuala Lumpur.

Othman Yatim (1989) *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur.

Pirous, A.D (2003) *Melukis itu Menulis* . Penerbitan ITB, Bandung.

Syed Ahmad Jamal, (1992 ) , *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka